


PENGAWAL BERTUGAS 24 JAM



PENGAWAL keselamatan UPM khusyuk mendengar taklimat oleh Prof. Madya Dr. Idris Abdol - Foto Ahmad Fua'ad Alwi

BAHAGIAN Keselamatan UPM merupakan satu bahagian yang penting untuk menjaga keamanan dan ketenteraman kampus. Ia adalah mata telinga kepada universiti untuk memastikan keselamatan penghuninya sentiasa terkawal.

Hal ini dijelaskan oleh Pemangku Timbalan Naib Canselor (Pembangunan) Prof. Madya Dr. Idris Abdol semasa beliau menyampaikan amanat khas kepada semua pegawai keselamatan UPM di Dewan Taklimat baru-baru ini.

“Pihak keselamatan

UPM bertanggung jawab untuk menjalankan peneguatuasaan terhadap segala peraturan universiti. Sesiapa yang melanggar peraturan universiti semestinya di kenakan tinjakan,” katanya lagi.

Dalam pada itu, Dr Idris juga memuji para pegawai keselamatan yang bertugas siang dan malam untuk menjaga universiti daripada perkara-perkara yang tidak diingini.

“Sebagai contoh kemungkinan para pelajar tidak sedar bahawa Pak Guard bertugas dalam

tempoh 24 jam untuk memastikan minggu orientasi pelajar baru berjalan dengan lancar dan dapat melegakan ibu bapa mereka di rumah,” katanya lagi.

Selain itu, Dr Idris juga memberitahu UPM akan mempertingkatkan lagi kawalan keselamatan di dalam kampus. Bandar Kampus Putra sedikit masa lagi akan di pagar keseluruhan untuk memudahkan proses kawalan.

“Satu pelan jangka panjang dan pendek akan di rancang khusus untuk keselamatan kampus. Ia bertujuan untuk menyesuaikan dengan keadaan semasa kerana sekiranya ini berlaku pertambahan pelajar. Faktor seperti ini harus diambil kira,” katanya lagi.

Pada majlis itu pelbagai persoalan telah dikemukakan oleh pengawal keselamatan UPM yang berkaitan dengan isu semasa kampus dan ke arah mempertingkatkan lagi profesionalisme pengawal keselamatan.-**ABU WAIFIQ**